



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

Tarikh: 14 NOVEMBER 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

Naik harga: KPDN panggil semula persatuan mamak

SUBANG JAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) akan mengadakan pertemuan dengan pengusaha restoran India Muslim atau mamak berikut tindakan mereka yang ingin menaikkan harga lima peratus, mulai tahun hadapan.

Menterinya, Datuk Arminza Ali berkata, pertemuan yang dijangka berlaku esok (hari ini) itu bertujuan mendapatkan kepastian serta sebab kuat tindakan yang diam-bil mereka.

"Sebaik menerima laporan berkenaan tindakan mereka, KPDN memanggil persatuan tersebut untuk mendapatkan jawapan apa sebab mereka mahu naikkan harga.

"Kita nak tahu apa puncanya, dan kita mahu teliti, sebab mereka tidak boleh menaikkan harga sesuka hati sebab kita tidak mahu ada pihak yang ambil kesempatan," katanya dalam sidang akhbar Majlis menantangani Memorandum Persefahaman (MoU) di Mydin Subang Jaya, di sini semalam.

Katanya, mereka tidak boleh menggunakan alasan kenaikan gaji minimum untuk menaikkan harga kerana hanya kos secara langsung sahaja boleh dinaikkan harga.

Isnin lalu, akhbar ini melaporkan kira-kira 300 pengusaha restoran mamak di negeri Johor dijangka menaikkan harga makanan di premis mereka bermula lima peratus, mulai tahun hadapan.

Terdahulu, KPDN bersama Mydin dan Redtick menjalin kerjasama melalui Memorandum Persefahaman (MoU) menerusi aplikasi Price Catcher.

Arminza berkata, kerjasama strategik itu dilakukan bagi meningkatkan akses pengguna kepada maklumat harga barang supaya mereka boleh membuat perbandingan harga dan pilihan dengan tepat dalam satu aplikasi.



PEGAWAI dan Anggota KPDN memeriksa barang berupa telekung dan beg berjenama Siti Khadijah disyaki tiruan di sebuah rumah di Rengit, Batu Pahat.

Padah jual telekung, beg tenunan Siti Khadijah tiruan

BATU PAHAT – Tindakan seorang wanita menjalankan perniagaan menjual telekung dan beg tenunan berjenama Siti Khadijah (SK) disyaki palsu mengundang padah apabila dia ditahan dalam serbuan di sebuah rumah di Rengit di sini, 5 November lalu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor, Johor, Lilis Saslinda Pornomo berkata, dalam serbuan pada pukul 11 pagi itu, wanita warga tempatan berusia 37 tahun ditahan membantu siasatan.

Katanya, sebanyak 3,585 unit telekung pelbagai warna, 700 unit beg tenunan dan 100 unit kotak bernilai RM126,775 disyaki tiruan menggunakan label jenama terkenal SK disita mengikut Seksyen 102, Akta Cap Dagangan 2019 bagi tujuan siasatan lanjut.

"Kesemua tindakan diambil berikutan aduan yang diterima daripada pemilik cap dagang

berkenaan.

"KPDN mengambil masa selama dua minggu bagi pemeriksaan serta risikan oleh pejabat KPDN Batu Pahat," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut Lilis Saslinda, siasatan awal dijalankan mendapati, syarikat berkenaan telah beroperasi sejak dua tahun dan bergerak aktif melalui penjualan dalam talian kepada pelanggan selain pembelian secara terus dari rumah.

Ujarnya, berdasarkan rekod bagi tahun 2024 termasuk kes ini, KPDN Cawangan Batu Pahat telah mengambil tindakan sebanyak empat kes di bawah Akta Cap Dagangan 2019 dengan jumlah nilai rampasan sebanyak RM150,155.

"KPDN Johor memberi peringatab kepada peniaga supaya tidak menjalankan urusniaga dengan barang tiruan kerana tindakan tegas akan diambil terhadap kesalahan yang dilakukan," katanya.

Rampas lebih 3,500 telekung jenama tiruan

Batu Pahat: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor merampas lebih 3,500 telekung disyaki tiruan dalam serbuan di sebuah rumah dekat Renigit di sini, 5 November lalu.

Pengarah KPDN Johor, Lilis Saslinda Pornomo berkata, serbuan kira-kira jam 11 pagi itu dilakukan di rumah yang dipercayai dijadikan stor penyimpanan barang jenama terkenal yang disyaki tiruan oleh pejabat KPDN cawangan Batu Pahat.

Beliau berkata, tindakan diambil berikutan aduan diterima daripada pemilik cap dagang berkenaan dan pihaknya mengambil masa selama dua minggu bagi pemantauan serta risikan.

“Hasil serbuan, kita merampas dan menyita semua barang disyaki tiruan iaitu sebanyak 3,585 telekung pelbagai warna, 700 ‘woven beg’ dan 100

kotak menggunakan label pelbagai warna bernilai hampir RM126,775.

“Tindakan kes diambil di bawah Seksyen 102 Akta Cap Dagangan 2019 bagi tujuan siasatan lanjut. Kita turut menahan seorang wanita berusia 37 tahun,” katanya.

Beliau berkata, hasil siasatan awal mendapati wanita tempatan yang ditanah itu adalah pemilik perniagaan.

“Syarikat terbabit sudah beroperasi sejak dua tahun dan bergerak aktif melalui penjualan dalam talian kepada pelanggan selain pembelian secara terus dari rumah,” katanya.

Lilis Saslinda berkata, berdasarkan rekod bagi 2024 termasuk tindakan kes terbabit, pejabat KPDN cawangan Batu Pahat sudah mengambil tindakan sebanyak empat kes di bawah Akta Cap Dagangan 2019 dengan jumlah nilai rampasan RM150,155.



ANGGOTA KPDN Negeri Johor merampas lebih 3,500 telekung jenama terkenal yang disyaki tiruan.

RINGKAS

Minyak masak paling banyak diseludup

Kota Bharu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan mengakui minyak masak adalah barang keperluan asas yang paling banyak diseludup ke Thailand.

Pengarah KPDN Kelantan Azman Ismail berkata, ini berikutan permintaan yang tinggi daripada penduduk negara jiran berkenaan memandangkan barang keperluan asas itu dijual pada harga yang jauh lebih mahal berbanding di Malaysia.

“Oleh itu, KPDN sentiasa menjalankan risikan dan bekerjasama dengan Pasukan Gerakan Am (PGA) bagi mengekang aktiviti penyeludupan ini,” katanya selepas memeriksa bekalan barang keperluan di Wakaf Bharu di sini, semalam.

Sementara itu, diminta mengulas mengenai sama ada pemborong dan peruncit terlibat bersubahat dalam kes penyeludupan ini, Azman berkata KPDN akan menyiasat perkara berkenaan. - Bernama



DUA TAHUN JUAL TELEKUNG JENAMA TERKENAL TIRUAN

Sebuah rumah di Rengit, Batu Pahat diserbu KPDN kerana dijadikan stor jualan telekung oleh peniaga yang bergerak aktif melalui penjualan dalam talian.

26

KPDN tingkat fungsi PriceCatcher melalui kerjasama Mydin, Redtick

KUALA LUMPUR - Aplikasi PriceCatcher akan terus ditambah baik dengan memperkuatkan perkongsian data harga barang menerusi kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dengan dua pasar raya, Mydin dan Redtick.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, komitmen perkongsian data harga itu adalah inisiatif yang menggambarkan ketelusan urus niaga dan etika perniagaan yang tidak mengambil kesempatan melalui amalan sorok harga terhadap pengguna.

"Sebelum ini paparan harga dalam aplikasi PriceCatcher diperoleh sepenuhnya melalui Pegawai Pemantau Harga (PPH) di lapangan dan ia menyebabkan data yang diperoleh untuk dimuat

naik ke dalam aplikasi terhad dari aspek liputan kawasan serta bilangan premis terlibat.

"Melalui pemeteraan MoU (memorandum persefahaman) ini, ia menjadi usaha rintis untuk menambah baik aplikasi melalui perkongsian data secara automasi oleh pasar raya terlibat untuk dipaparkan dalam ruangan 'Perkongsian Harga Pasar Raya,' katanya kepada pemberita selepas Majlis Menandatangani MoU Perkongsian Data Harga antara KPDN bersama dua pasar raya berkenaan di Subang Jaya, di sini pada Rabu.

Hadir sama, Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Bhd, Datuk Dr Ameer Ali Mydin dan Ketua Setiausaha KPDN, Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar.

Tambah Armizan, perkongsian data harga tersebut



FOTO: BERNAMA

Armizan (tengah) melihat skrin digital yang memaparkan aplikasi Price Catcher pada majlis menandatangani MOU perkongsian data harga antara KPDN dengan MYDIN dan Redtick di Mydin, USJ pada Rabu.

akan menjadi penanda aras untuk diperluaskan ke pasar raya dan premis yang lain.

Ujarnya, aplikasi PriceCatcher sebelum ini memaparkan maklumat harga

bagi 480 barang keperluan pengguna yang dikemas kini secara harian melibatkan 186 item, mingguan (220 item) dan bulanan (74 item).

"Hingga 7 November lepas, aplikasi ini telah dimuat turun oleh 459,998 pengguna seluruh negara namun dari segi penggunaan aktif hanya pada kadar 10,000 seminggu.

"Kita mengambil pendekatan tambahan dengan memperbaikkan maklumat dalam aplikasi berkenaan tanpa menambah jumlah pegawai pemantau harga menerusi self-reporting secara sukarela ataupun perkongsian data yang dibuat oleh pemain sektor peruncit," katanya.

Menurutnya, aplikasi tersebut akan menjadi rujukan pengguna sejajar dengan agenda untuk menyemai budaya semak baru beli. - Bernama

Rumah dijadikan stor penyimpanan diserbu

Oleh NOR AZURA MD AMIN
BATU PAHAT

Sebuah rumah yang dijadikan stor menyimpan telekung dan beg jenama terkenal disyaki tiruan di Rengit, di sini diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) pada Selasa.

Pengarah KPDN Johor, Lilis Saslinda Pornomo berkata, dalam operasi jam 11 pagi itu, seorang wanita warga tempatan berumur 37 tahun yang juga pemilik perniagaan ditahan bagi membantu siasatan.

Menurut beliau, KPDN turut menyita sebanyak 3,585 unit telekung pelbagai warna, 700 unit beg tenunan dan 100 unit kotak disyaki tiruan menggunakan label jenama terkenal bernilai hampir RM126,775.

"Kesemua tindakan diambil berikutnya aduan yang diterima daripada pemilik cap dagang berkenaan.

"KPDN Batu Pahat mengambil masa selama dua minggu bagi pemantauan



serta risikan," ujarnya dalam kenyataan pada Rabu.

Menurut Lilis Saslinda, siasatan awal dijalankan mendapati, syarikat berkenaan telah beroperasi sejak dua tahun dan bergerak aktif melalui penjualan dalam talian kepada pelanggan selain pembelian secara terus dari rumah.

"Tindakan kes diambil di bawah Seksyen 102, Akta Cap Dagangan 2019 bagi tujuan siasatan lanjut.

"Berdasarkan rekod bagi tahun 2024 termasuk tindakan kes ini, KPDN Cawangan Batu Pahat telah mengambil tindakan sebanyak empat kes di bawah Akta Cap Dagangan 2019 dengan jumlah nilai rampasan sebanyak RM150,155," katanya.

Tegas beliau, KPDN Johor memberi amaran kepada peniaga supaya tidak menjalankan urusniaga dengan barang tiruan kerana tindakan tegas akan diambil terhadap kesalahan yang dilakukan.



Anggota KPDN memeriksa telekung yang disyaki tiruan menggunakan jenama terkenal di Rengit, Batu Pahat pada Selasa.

Mamak restaurant operators told to explain price hike

SUBANG JAYA: The Johor Indian Muslim Entrepreneurs Association will be summoned today on its proposal to raise food prices by five per cent starting next year, says the Domestic Trade and Cost of Living Minister.

Datuk Arminan Mohd Ali said the ministry had issued a notice to the association under Section 21 of the Price Control and Anti-Profitereing Act 2011, requiring an explanation for the proposed price increase.

"Since this association has only just made the announcement for next year, we are taking proactive steps to prevent anyone from taking advantage of the situation."

"This notice is to summon the association to provide an explanation for its announcement regarding the price increase," he told reporters after the signing of an MOU on price data sharing between the ministry and supermarket chains Mydin and Redtick here yesterday, Bernama reported.

According to reports, about 300 mamak restaurant operators in Johor expressed concerns about rising operating costs, with the implementation of the minimum wage next year expected to further increase expenses.

Arminan cited an example from OPS Kesan 2.0, where the ministry had taken action against those attempting to take advantage of the implementation of targeted diesel subsidies and the sales and service tax (SST) hike.

"Some parties announced a price increase, but after being summoned and asked to explain, it was found that their reasons were unfounded."

"For instance, the construction sector claimed that the price increase was due to the implementation of the targeted diesel subsidies, even though it is not eligible to use subsidised diesel," he said.

Arminan said the ministry had issued a notice and taken action under OPS Kesan 2.0 to ensure that price increases were only made based on relevant, actual costs.

The minister also said the PriceCatcher app will continue to be improved with data-sharing on prices through collaboration between the ministry and Mydin and Redtick.

He said this was an initiative that reflected transparency in transactions and business ethics to avoid price manipulation or profitereing at the expense of consumers.

"Previously, the price data displayed in the PriceCatcher app was entirely sourced from field price monitoring officers, which limited the coverage area and the number of premises uploaded to the app."

"The signing of this MOU marks a pioneering effort to improve the app by enabling automated data sharing from the involved supermarkets to be displayed in the 'supermarket price sharing' section," he added.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 14 NOVEMBER 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
14-Nov	KPDN wujud dua strategi interim selari Lemon Law	https://www.wilayahku.com.my/kpdn-wujud-dua-strategi-interim-selari-lemon-law/	WILAYAHKU
14-Nov	KPDN serbu rumah, rampas petrol untuk diseludup	https://www.sinarharian.com.my/article/696284/berita/semasa/kpdn-serbu-rumah-rampas-petrol-untuk-	SINAR HARIAN
14-Nov	Rumah dijadikan stor simpan telekung tiruan diserbu	https://www.sinarharian.com.my/article/696283/berita/semasa/rumah-dijadikan-stor-simpan-telekung-tiruan	SINAR HARIAN
14-Nov	Lebih 3,500 telekung disyaki tiruan dirampas	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1154488/lebih-3500-telekung-disyaki	HARIAN METRO
14-Nov	KPDN rampas hampir 10 tan gula pasir, 2.07 tan minyak masak peket	https://www.tvsarawak.my/2024/11/13/kpdn-rampas-hampir-10-tan-gula-pasir-2-07-tan-minyak-masak-peket/	TV SARAWAK
14-Nov	Sarawak KPDN seize 11 tons of controlled goods	https://thesun.my/malaysia-news/sarawak-kpdn-seize-11-tons-of-controlled-goods-NH13279105	THE SUN
14-Nov	Ikan celup tepung (ICT) bakal dipaten, jadi milik Terengganu	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/11/1154425/ikan-celup-tepung-ict-bakal-dipaten-jadi-milik-terengganu	HARIAN METRO
14-Nov	Terengganu jangka patenkan 'ICT' selewat-lewatnya tengah tahun depan	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1323218/terengganu-jangka-patenkan-ict-selewat-lewatnya-tengah-tahun-depan	BERITA HARIAN
14-Nov	KPDN tingkat fungsi Price-Catcher melalui kerjasama Mydin, Redtick	https://www.sinarharian.com.my/article/696408/berita/nasional/kpdn-tingkat-fungsi-pricecatcher-melalui-kerjasama-mydin-redtick	SINAR HARIAN

14-Nov	KPDN increases Price-Catcher functionality through collaboration with Mydin, Redtick	https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-increases-pricecatcher-functionality-through-collaboration-with-mydin-redtick-EI13283326	THE SUN
14-Nov	KPDN increases Price-Catcher functionality through collaboration with Mydin, Redtick	https://www.theedgemalaysia.com/node/733862	THE EDGE MALAYSIA
14-Nov	KPDN TINGKAT FUNGSI PRICECATCHER MELALUI KERJASAMA MYDIN, RED-TICK	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2362861	BERNAMA
14-Nov	Perkongsian data dalam PriceCatcher perlu ditingkatkan – Armizan Ali	https://malaysiagazette.com/2024/11/13/perkongsian-data-dalam-pricecatcher-perlu-ditingkatkan-armizan-ali/	MALAYSIA GAZETTE
14-Nov	Fungsi PriceCatcher ditingkatkan menerusi kerjasama Mydin dan RedTick	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/fungsi-pricecatcher-ditingkatkan-menerusi-kerjasama-mydin-dan-redtick	BERITA RTM
14-Nov	Restoran mamak Johor perlu beri alasan kukuh mahu naik harga – Armizan	https://malaysiagazette.com/2024/11/13/restoran-mamak-johor-perlu-beri-alasan-kukuh-mahu-naik-harga-armizan/	MALAYSIA GAZETTE
14-Nov	Cadangan naik harga makanan lima peratus, restoran mamak di Johor dipanggil	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/cadangan-naik-harga-makanan-lima-peratus-restoran-mamak-di-johor-dipanggil	BERITA RTM
14-Nov	Naikkan harga makanan 5 peratus, KPDN panggil Persatuan Usahawan India Muslim Johor esok	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/naikkan-harga-makanan-5-peratus-kpdn-panggil-persatuan-usahawan-india-muslim-johor-esok-496205	ASTRO AWANI
14-Nov	Mamak restaurant operators summoned over price hike proposal	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/11/1134072/mamak-restaurant-operators-summoned-over-price-hike-proposal	NEW STRAITS TIMES

14-Nov	KPDN to call mamak restaurant operators over proposed food price hike	https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-to-call-mamak-restaurant-operators-over-proposed-food-price-hike-GI13283500	THE SUN
14-Nov	Cadangan naik harga makanan, restoran mamak di Johor dipanggil	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1154694/cadangan-naik-harga-makanan-restoran-mamak-di-johor-dipanggil	HARIAN METRO
14-Nov	Cadang harga makanan restoran mamak dinaikkan, KPDN panggil Persatuan Usahawan India Muslim Johor beri penjelasan esok	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1323521/cadang-harga-makanan-restoran-mamak-dinaikkan-kpdn-panggil-persatuan	BERITA HARIAN
14-Nov	Cadangan naik harga makanan 5 peratus, restoran mamak di Johor dipanggil	https://www.sinarharian.com.my/article/696424/berita/nasional/cadangan-naik-harga-makanan-5-peratus-restoran-mamak-di-johor-dipanggil	SINAR HARIAN
14-Nov	Restoran mamak di Johor dipanggil esok, cadang naik harga makanan lima peratus	https://www.buletintv3.my/nasional/restoran-mamak-di-johor-dipanggil-esok-cadang-naik-harga-makanan-lima-peratus/	BULETIN TV3
14-Nov	Domestic Trade Ministry demands Johor restauranteurs to explain proposal to raise food prices next year	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/11/13/domestic-trade-ministry-demands-johor-restauranteurs-to-explain-proposal-to-raise-food-prices-next-year	THE STAR
14-Nov	CADANGAN NAIK HARGA MAKANAN LIMA PERATUS, RESTORAN MAMAK DI JOHOR DIPANGGIL	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2362914	BERNAMA
14-Nov	Pemilik lori mengaku tidak bersalah milik 3,399 liter diesel tanpa lesen	https://www.utusan.com.my/berita/2024/11/pemilik-lori-mengaku-tidak-bersalah-milik-3399-liter-diesel-tanpa-lesen/#google_vignette	UTUSAN MALAYSIA
14-Nov	Pemilik lori didakwa milik 3,399 liter diesel tanpa lesen	https://www.sinarharian.com.my/article/696371/berita/semasa/pemilik-lori-didakwa-milik-3399-liter-diesel-tanpa-lesen	SINAR HARIAN
14-Nov	KPDN Johor rampas 3,585 telekung bernilai RM126,775	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-johor-rampas-3-585-telekung-tiruan-bernilai-rm126-775	BERITA TRM